

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MENGUBAH SUAI ELAUN SARA HIDUP  
PAKAR PERUBATAN WAKTU CUTI BELAJAR DI LUAR  
NEGARA**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan mengenai cadangan untuk mengubah suai dan memperbaiki elaun sara hidup semasa cuti belajar di luar negara untuk pakar pegawai-pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertahanan.

**2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Elaun-elaun sara hidup adalah satu ganjaran yang khas untuk pegawai-pegawai kerajaan yang menjalani latihan atau kursus di luar Negara selama 1 tahun. Jumlah yang di terima sebagai elaun sara hidup pada masa kini adalah amat kurang sekiranya di bandingkan dengan kos hidup yang sebenar di kebanyakan Negara-negara di luar Negara terutamanya di

Amerika Syarikat, Great Britain, Australia, Jepun dan Singapura.

- 2.2 Cadangan untuk meningkat elaun sara hidup adalah amat penting kerana kini kebanyakan dari pegawai kerajaan yang berada di luar Negara terpaksa menggunakan gaji dan elaun yang lain untuk mengatasi kos yang tinggi. Ini amat merumitkan kerana pegawai-pegawai ini terpaksa menanggung kos harian keluarga di Malaysia termasuk bayaran ansuran-ansuran yang lain.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Oleh kerana rawatan dan perkhidmatan perubatan adalah amat kritikal dan adalah mustahil untuk mengekalkan jumlah doktor dalam perkhidmatan kerajaan tanpa peningkatan pendapatan yang menasabah.
- 3.2 Peningkatan Elaun Sara Hidup akan memberi insentif kepada doktor-doktor untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan seterusnya meningkatkan ilmu yang lebih canggih dalam bidang-bidang tertentu.
- 3.3 Langkah peningkatan elaun ini akan meningkatkan lagi jumlah pendapatan seorang doktor yang semasa berkursus. Ini adalah satu cara untuk

mengelakkan doktor-doktor untuk meletak jawatan dan hijrah ke perkhidmatan swasta.

#### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

4.1 Jika kerajaan bersetuju menimbangkan permohonan ini sudah pasti ianya akan melibatkan pertambahan kewangan. Walaubagaimanapun, ini akan merupakan satu cara untuk memberi insentif yang lebih untuk melanjutkan pelajaran dari segi sub speciality dan seterusnya berkhidmat untuk lebih lama di kerajaan.

4.2 Peningkatan kewangan kepada negara tidak begitu tinggi dan ini secara langsung akan memberi ganjaran yang lebih kepada doktor-doktor kerajaan.

#### **5.0 KESIMPULAN**

5.1 Permohonan ini adalah untuk menyeru kerajaan memberi lebih ganjaran dan insentif untuk pakar-pakar/doktor-doktor tempatan untuk berkhidmat sebagai pegawai kerajaan.

## **6.0 SYOR**

6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurus dan Professional dipohon untuk meningkatkan elaun sara hidup seperti berikut:

- a. Amerika Syarikat: USD 2,000 sebulan
- b. Great Britain: £ 2,000 sebulan
- c. Europah € 2,000 sebulan
- d. Australia AUD 2,000 sebulan
- e. Singapura S\$ 2,000 sebulan